

0105

U 8395 AAB  
UMNO - MUSA

KUALA LUMPUR, 13 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA KENYATAAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DI HONG KONG RABU LEPAS TIDAK BERASAS SAHA SEKALI DAN BOLEH DIANGGAP SEBAGAI KENYATAAN NAKAL DAN TIDAK MAJAR DIBUAT OLEH SESEORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KENYATAAN ITU DIRANCANG UNTUK MENINDULKAN KESELISAHAN RAKYAT JUGA BERTUJUAN MENGUSAT KESTABILAN NEGARA DAN MEMBERI KESAN BURUK KEPADA IKLIM PELABURAN DAN PERNIAGAAN NEGARA.

+KENYATAAN ITU BOLEH MENGUSAT KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA. KERANA IA MENYEBABKAN PELANAT DAN PELABUR TERMASUK PELABUR TEMPATAN BERADA DALAM KEADAAN SELISAH,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENPENGERUSIKAN MESYUARAT EMPAT JAM MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

SEMASA MEMBERI UCAPAN DI KELAS WARTAWAN ASING DI HONG KONG, DATUK MUSA DILAPORKAN ANTARA LAIN SEBAGAI BERKATA, PERDANA MENTERI AKAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM SECARA MENGEJUT DALAM JANGKA MASA SETAHUN DAN MENGISYTIHARKAN DARURAT JIKA MENDAPATI BELIAU AKAN KEHILANGAN KUASA.

EKORAN DARIPADA ITU KALANGAN MASYARAKAT KHUSUSNYA PARA PEMIMPIN TELAH MENSKECAM TINDAKAN DATUK MUSA ITU SEHINGGA PERKARA ITU TELAH DITIMBULKAN OLEH BEBERAPA ANGGOTA PARLIMEN DI PERSIDANGAN DENAM RAKYAT. --LASI

1707MST 13 10 88

0107

U 8400 AAB  
UMNO-MUSA 2 KUALA LUMPUR

PRESIDEN UMNO YANG KELIHATAN SERIUS SEMASA MENYUARAKAN PENDAPATNYA ITU, BERKATA MT BERASA DUKACITA DENGAN KENYATAAN DATUK MUSA YANG TIDAK BERASAS ITU KERANA IA MEMBERI KESAN BURUK TERHADAP IKLIM PELABURAN MALAYSIA.

+DENGAN KENYATAAN KONOMNYA PILIHAN RAYA MENGEJUT AKAN DIADAKAN DALAM JANGKA MASA SETAHUN, HANYA AKAN MENINDULKAN KESELISAHAN PERIAGA SELAMA TEMPON ITU DAN IA TIDAK MEMBANTU MEMPERTINGKATKAN PRESTASI EKONOMI NEGARA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMAMBH, DAKWAAN KONOMNYA PIHAK TERTENTU SENGAJA HENDAK MENGADA-ADAKAN HURU-HARA DENGAN TUJUAN MENGISYTIHARKAN PEMERINTAHAN DARURAT JUGA ADALAH DAKWAAN YANG TIDAK BERASAS YANG AGAK NAKAL.

MENGENAI DAKWAAN DATUK MUSA BERTHUBUNG DENGAN MCA, PERDANA MENTERI BERKATA MCA JUGA TELAH MENYATAKAN IA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG NIAT UNTUK KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL.

BELIAU MEMAMBH BAHAWA MAJLIS TERTINGGI PARTI MENGAMBIL PERHATIAN SERAT TERHADAP KENYATAAN DATUK MUSA YANG DIBUAT DENGAN SENGAJA ITU.

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BERKATA TIADA TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP DATUK MUSA KERANA +SEBAGAI SEBUAH NEGARA DEMOKRASI SETIAP RAKYAT BEBAS MENYUARAKAN PENDAPATNYA+

+HANYA KITA KECEWA DENGAN TINDAKAN SESEORANG YANG TIDAK MENSUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DENGAN SENGAJA MEMBERI GAMBARAN TIDAK TEPAT MENGENAI KESTABILAN DAN IKLIM PELABURAN NEGARA+.

--BERNAMA

1711MST 13 10 88